



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU
MENTERI BELIA DAN SUKAN
MAJLIS PENTAULIAHAN EMAS
ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA 2021**

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera.

SALUTASI

**YANG BERUSAHA PUAN RAMONA BTE MOHD RAZALI
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (STRATEGIK)**

**YANG BERBAHAGIA DATO' DR. HAJAH WASITAH BINTI HJ MOHD YUSOF
KETUA PENGARAH
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA**

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN

PENGARAH-PENGARAH JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI

**PEMIMPIN BADAN OPERASI DAN PARA MENTOR ANUGERAH REMAJA
PERDANA RAKAN MUDA**

RAKAN-RAKAN MEDIA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

**SETERUSNYA PENERIMA ANUGERAH TAHAP EMAS ANUGERAH REMAJA
PERDANA RAKAN MUDA YANG KITA RAIKAN PADA PETANG INI**

**Senarai salutation TBC*

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Pentauliahkan Emas Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda 2021** secara fizikal dengan norma baharu pada hari ini.

2. Majlis ini merupakan ruang untuk meraikan pencapaian anak muda yang telah berjaya melalui proses pembentukan karakter dan pembangunan potensi yang positif. Saya mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang akan ditauliahkan emas pada majlis hari ini.

PENGANTARABANGSAAN ANAK MUDA

3. Sebagaimana kita semua maklum ARPRM telah dilaksanakan lebih 20 tahun yang lalu dan masih kekal relevan pada hari ini kerana konsep programnya yang dinamik dan juga selari dengan matlamat pembangunan belia positif yang digariskan di dalam Dasar Belia Malaysia.

4. Inisiatif pengantarabangsaan anak muda juga adalah antara aspek yang dititik beratkan dalam pembangunan belia positif. Pelbagai program antarabangsa yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), antaranya Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun, atau lebih dikenali sebagai **SSEAYP (Say-yap)**, Program Pertukaran Belia Indonesia, Korea dan juga ARPRM.

5. Program anugerah yang digerakkan oleh JBSN ini adalah dengan mandat daripada *The Duke of Edinburgh's International Foundation* yang berpusat di United Kingdom. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada JBSN kerana berjaya menggalas tanggungjawab **to provide, to promote** dan **to preserve** program ini sehingga menjadi salah satu program ikonik JBSN dan intipati khususnya kepada program Rakan Muda.

6. Saya melihat melalui program anugerah ini membuka ruang dan peluang pengantarabangsaan anak muda di mana semua **130 buah negara** yang melaksanakan program ini **menggunakan piawai atau standard antarabangsa** dengan 4 komponen iaitu kemahiran, khidmat masyarakat, rekreasi fizikal dan penjelajahan lasak.

7. Dengan wujudnya hubungan kerjasama dengan *International Award Foundation (IAF)* di bawah *Asia Pacific Region*, ia juga membuka peluang kepada pemimpin dan peserta ARPRM untuk menyertai *World Conference, Regional Meeting* dan pelbagai program latihan peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh IAF.

8. Proses pengantarabangsaan melalui pembelajaran tidak formal seperti program anugerah ini menyediakan anak muda Malaysia yang mampu bersaing di platform antarabangsa dan statistik keseluruhan penyertaan **hampir 8 juta peserta di seluruh dunia**.

9. Malah, kualiti anak muda yang dilahirkan melalui program anugerah ini telah diiktiraf di dalam platform yang tertinggi iaitu **Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) melalui kategori Emas Remaja Perdana**. Kategori yang

diperkenalkan pada tahun 2014 ini telah mengiktiraf 7 orang peserta emas di mana **pemenang tahun 2021** adalah **Saudara Mohammad Shafizal bin Muhamad Safee**. Mungkin salah seorang daripada yang ditauliahkan emas pada hari ini bakal mendapat pengiktirafan yang sama pada tahun-tahun yang akan datang.

10. Selain itu, peserta emas program anugerah ini jua telah dinobatkan sebagai penerima APBN kategori **individu wanita pada tahun 2021**, **Saudari Ammieleyya Jusnieza Binti Ahmad Jafri**, di mana beliau telah **ditauliahkan tahap emas pada tahun 2019**.

11. **Pemenang Ikon Sukarelawan lelaki** semasa sambutan **Hari Kesukarelawanan Belia Malaysia (HKBM)** yang disambut pada 5 Disember yang lalu, **Saudara Mohammad Fauzi bin Acho** juga **merupakan peserta tahap emas** yang juga ditauliahkan pada tahun 2019. Mereka semua adalah sebahagian daripada penerima emas yang dibentuk serta dididik bakat kepimpinan melalui program ini. Saya yakin ada lagi diluar sana yang masih lagi menyumbang bakti serta minat dalam membantu JBSN dan KBS khususnya pada ketika ini.

SUMBANGAN BERTERUSAN SEBAGAI SUKARELAWAN

12. Sumbangan berterusan ini boleh berlaku di pelbagai peringkat dan semua ikon yang disebut sebagai contoh itu tadi telah melalui proses pembudayaan sukarelawan yang mula disemai sejak dari peringkat awal penyertaan mereka di tahap gangsa. Peserta program anugerah ini dari tahap gangsa telah di semai dengan asas sukarelawan kerana mereka

menyertai program, mencatat buku rekod dan membuat aktiviti komponen secara sukarela. Malah peserta juga berjaya menamatkan tempoh masa yang diperlukan tanpa paksaan daripada sesiapa.

13. Justeru, secara langsung kita dapat melihat sukarelawan dilahirkan melalui program ini setiap hari. Saya percaya peserta program ini mampu menjadi pemimpin sukarelawan yang menyumbang kepada negara serta membuktikan bahawa pentauliahan emas bukan lah satu pengakhiran kepada pencapaian terbaik anak muda, malah ia adalah permulaan kepada sumbangan yang berterusan.

14. Di samping itu, saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada sukarelawan yang terdiri daripada pemimpin, mentor, jurulatih, penilai, pengelola serta Badan operasi yang tidak pernah jemu bersama-sama dengan KBS untuk menjayakan program ini. Pemimpin dan mentor tidak dibayar namun dengan semangat sukarela mereka untuk membimbing anak muda melalui program anugerah ini amat saya hargai.

15. Pada sambutan HKBM yang lalu jua, saya telah mengumumkan inisiatif **Sukarelawan Belia Nasional** atau nama ringkasnya **BENA**. Inisiatif baharu yang diperkenalkan itu akan melibatkan alumni atau **bekas peserta program KBS yang akan diberikan latihan** untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan mereka dalam memperkasa komuniti.

16. Selaku Duta Sukarelawan KBS, peserta BENA akan menggerakkan kerja sukarelawan pasca bencana serta pengurusan acara dan sukan di peringkat komuniti setempat. Peserta BENA ini akan dilatih bagi membantu memperkasa komuniti terutamanya dalam membantu menangani masalah kesihatan mental, masalah sosial dan membantu meningkatkan sosio ekonomi masyarakat di peringkat akar umbi.

17. Bagi proses latihan memperoleh kemahiran baharu dan mengasah kemahiran sedia ada (*upskilling and reskilling*) ini, kita letakkan sasaran **seramai 10,000 orang yang akan dilatih serta terlibat bermula tahun 2022.**

18. Oleh itu, saya menyeru semua peserta program anugerah yang telah ditauliahkan sama ada di tahap gangsa, perak atau emas untuk menyahut inisiatif ini dan buktikan anda adalah yang terbaik di kalangan sukarelawan BENA.

MODEL BAHARU PEMBANGUNAN BELIA

19. Di samping usaha membentuk sukarelawan BENA, KBS juga akan memperkenalkan **Model Baharu Pembangunan Belia (MBPB)** di mana inisiatif ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa sambutan Hari Belia Negara pada 30 Oktober yang lalu.

20. MBPB yang akan dilancarkan pada Mac 2022 bukanlah dasar belia yang baharu, tetapi suatu inisiatif yang dirangka bagi menyokong pelaksanaan Dasar Belia Malaysia 2015 yang sedia ada selain mensinergikannya dengan dasar-dasar nasional dan

global, iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Matlamat Pembangunan Mapan atau *SDG*.

21. Model Baharu Pembangunan Belia didasari oleh lima (5) perkara utama iaitu Pendidikan & Latihan, Penciptaan Pekerjaan & Peningkatan Pendapatan, Kecergasan & Kesejahteraan Hidup, Penglibatan & Suara Belia dan Pembangunan & Pengaplikasian Data.

22. Sehubungan itu, saya menyeru semua anak muda untuk bersama-sama bagi merealisasikan hasrat Model Baharu Pembangunan Belia ini serta semua inisiatif yang dirancang oleh Kementerian Belia dan Sukan.

PENUTUP

23. Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang akan ditauliahkan Anugerah Tahap Emas, para Pemimpin, mentor, jurulatih, Badan Operasi, dan semua yang terlibat dalam menjayakan program anugerah ini.

24. Syabas dan tahniah juga kepada Jabatan Belia dan Sukan Negara di atas inisiatif mengadakan majlis pengiktirafan seumpama ini. Semoga program sebegini dapat menyuntik semangat anak muda untuk terus bersama-sama dengan kementerian dalam menjayakan visi dan misi KBS.

25. Anak-anak muda yang saya kasihi, bangkit lah! Tingkatkan semangat jati diri dan jalankan tanggungjawab dengan penuh amanah! Teruskan khidmat bakti yang mulia ini. Saya doakan anda semua selamat maju jaya!

**Sekian,
Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**